

Dasar Perdagangan antara Empayar British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1921-1925

The British inter-Empire Trade Policy in the Federated Malay States, 1921-1925

Mohd Shazwan Mokhtar*

Research Centre for History, Politics and International Affairs, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author : msm@ukm.edu.my

Abstrak

Artikel ini menganalisis pelaksanaan dasar perdagangan antara empayar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) antara tahun 1921 hingga 1925. Tumpuan diberikan terhadap pengaruh dasar ekonomi imperial dalam Persidangan Imperial yang diadakan pada tahun 1921 dan 1923. Neomerkantilisme telah mempengaruhi pembentukan dasar ekonomi imperial untuk bergantung dengan kekuatan ekonomi tanah jajahan. Justeru, dasar perdagangan antara empayar digubal bagi mencapai matlamat tersebut. Dasar ini mempengaruhi kerajaan British memberikan bantuan kewangan untuk pembangunan ekonomi di tanah jajahan. Melalui tindakan ini, sektor perindustrian Britain boleh mendapatkan sumber bahan mentah dengan murah dan sumber makanan bagi penduduk dalam empayarnya. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif. Sumber primer sejarah dikumpulkan dari Arkib Negara United Kingdom dan Arkib Negara Malaysia. Tafsiran terhadap sumber tersebut turut disokong dengan menggunakan data statistik. Hasil kajian mendapati, pengaruh dasar perdagangan antara empayar dilaksanakan secara langsung dalam dasar kolonial di NNMB. Kerajaan British memperuntukkan bantuan kewangan untuk membangunkan ekonomi eksport persekutuan. Selain itu, dasar ini juga membawa kepada perkembangan produk eksport baharu berasaskan nanas, kelapa dan sawit di NNMB. British turut menganjurkan Pameran Empayar British sebagai langkah mengutamakan sumber dan produk tanah jajahan termasuklah NNMB, bagi menggalakkan lagi kegiatan perdagangan antara empayar.

Kata Kunci: Sejarah ekonomi; Neomerkantilisme; Perdagangan global; Tanah Melayu; Empayar British.

Abstract

This article analyses the implementation of inter-empire trade policy in the Federated Malay States (FMS) between 1921 and 1925. It is centre on the influence of the imperial economic policy that decided in the Imperial Conference held in 1921 and 1923. The influence of neo-mercantilism constructed the imperial economic policy to rely on the economic strength of the colonies. Thus, the inter-empire trade policy was formulated to achieve this goal. Subsequently, the imperial government began to allocate financial aid for economic development in the colonies. In doing so, the home's industrial sector enable to acquire cheaper raw materials and foodstuff supply for the empire inhabitants. The study was conducted using qualitative research methods. Primary sources of history collected at the National Archives of the United Kingdom and the National Archives of Malaysia. The interpretation of these sources supported by providing statistical data. The study found that, the inter-empire trade policy influence directly in the colonial policy of the FMS. The home government offered financial assistance to accelerate the development of the federal export economy. Besides, this policy affected the development of new export products based on pineapple, coconut and palm oil in the FMS. The British Empire Exhibition also organised by the British Government to prioritising the resources and goods of the colonies, including the FMS to encourage the inter-empire trade activities.

Keywords: *Economic history; Neo-Mercantilism; Global trade; Malaya; British Empire.*

PENGENALAN

Kerjasama antara empayar merupakan dasar yang menjadi perhatian kerajaan British pasca Perang Dunia Pertama. Persefahaman ekonomi dalam kalangan kerajaan kolonial berkerajaan sendiri iaitu Dominion, India serta pentadbir kolonial di Tanah Jajahan Mahkota dan Negeri Naungan cuba dibentuk melalui pengajuran Persidangan Imperial pada tahun 1921 di London.¹ Kerjasama ekonomi merupakan agenda imperial yang menjadi antara keutamaan dalam persidangan tersebut. Tujuannya adalah untuk mengukuhkan jaringan perdagangan antara empayar British sebagai langkah bagi mengatasi masalah kemelesetan ekonomi yang disebabkan Perang Dunia Pertama.² Dalam dasar ekonomi imperial, perdagangan antara empayar merujuk kepada hubungan atau jaringan perdagangan Britain dengan seluruh empayarnya, serta aktiviti perdagangan oleh satu tanah jajahan dengan tanah jajahan yang lain dalam Empayar British.³ Pembentukan dasar perdagangan antara empayar diperkembangkan lagi ketika Persidangan Ekonomi Imperial pada tahun 1923. Ketika persidangan ini, Perdana Menteri British, Stanley Baldwin mengakui kepentingan dasar perdagangan antara empayar terhadap ekonomi Britain, kerana negara tersebut tidak mampu berdiri dengan sendiri untuk mempertahankan empayarnya tanpa sumbangan ekonomi dari tanah jajahan. Justeru, persidangan pada tahun 1923 memberi tumpuan terhadap strategi untuk bersaing dengan Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun dalam aktiviti perdagangan global di rantau Asia.⁴

British percaya melalui pelaksanaan dasar perdagangan antara empayar, kerjasama tanah jajahan dengan negara induk dapat dikawal untuk membentuk pasaran kolonial. Pasaran ekonomi ini diperlukan oleh British sebagai alternatif bagi pasaran Eropah yang meleset. Tambahan lagi, melalui kawalan terhadap pasaran kolonial, British dapat meneruskan ekspolitasinya terhadap bahan mentah tanah jajahan dan menjadikan tanah jajahan sebagai

tempat untuk British menjual barangan atau produk yang dihasilkan di Britain. Strategi ini dijangka dapat membuka peluang industri baru dan pekerjaan di tanah jajahan yang diperlukan oleh British untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi dan masalah peningkatan pengangguran di Britain.⁵ Oleh itu, langkah pembangunan sumber bahan mentah di tanah jajahan turut dijadikan sebahagian daripada dasar perdagangan antara empayar dengan tujuan untuk membolehkan pasaran kolonial beroperasi sebagai satu zon perdagangan antara empayar yang memberi keuntungan kepada Britain sebagai negara induk.

Walaupun bagaimanapun, hubungkait pelaksanaan dasar perdagangan antara empayar dengan pertumbuhan ekonomi di Tanah Melayu kurang mendapat perhatian dalam kajian sejarah ekonomi Malaysia (Drake 1979, 262-263). Dalam berberapa kajian terkini seperti Drabble (2000, 28) dan Sultan Nazrin Shah (2019, 206) masih menggunakan kerangka perdagangan bebas dalam mentafsir fenomena ekonomi Tanah Melayu ketika era antara perang. Sementara, kajian terdahulu oleh O'Brien (1977) telah membuktikan berlakunya perubahan orientasi ekonomi global sejak akhir abad ke-19 kepada neomerkantilisme dalam perkembangan imperialisme Eropah. Perkembangan ini memberi kesan terhadap tumpuan terhadap pembangunan ekonomi eksport di tanah jajahan. Oleh sebab itu, dasar kolonial kebiasaannya merupakan manifestasi daripada keperluan ekonomi metropolitan dan dasar ekonomi imperial (O'Brien 1977, 96). Pengaruh perubahan ini di Tanah Melayu dikenalpasti oleh Wong (1979, 4), Loh (2002, 249) dan Mokhtar, Azmi dan Samsudin (2017, 5-6) yang membuktikan berlakunya pengunduran dasar perdagangan bebas British sejak akhir abad ke-19. Kawalan kerajaan British terhadap ekonomi tanah jajahan pasca Perang Dunia Pertama merupakan kebangkitan ekonomi neomerkantilisme dalam dasar imperial British pada abad ke-20 (Davis dan Huttenback 1988, 30-31). Berdasarkan perkembangan ini, neomerkantilisme mula mendominasi dasar ekonomi imperial British yang dipercayai mampu menyelesaikan masalah kemerosotan ekonomi dan peningkatan masalah pengangguran pada awal tahun 1920-an (Tomlinson 2012, 219). Oleh sebab itu, isu kawalan bahan mentah khususnya sekatan pengeluaran hasil getah menerusi Rancangan Stevenson pada tahun 1920-an mendominasi tumpuan kajian lepas. Justeru, berdasarkan saranan Winston Churchill, Setiausaha Tanah Jajahan dalam Persidangan Imperial 1921 agar Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dijadikan sebagai pembekal utama getah dan timah untuk Britain, artikel ini menganalisis pengaruh dasar perdagangan antara empayar terhadap perkembangan aktiviti perdagangan NNMB antara tahun 1921 hingga 1925, iaitu sebelum Persidangan Imperial pada tahun 1926.

PEMBENTUKAN DASAR PERDAGANGAN ANTARA EMPAYAR

Perdagangan antara empayar merupakan sebahagian daripada dasar merkantilisme (dikenali sebagai neomerkantilisme pada abad ke-20) yang melibatkan hubungan saling bergantung antara negara induk dengan tanah jajahan.⁶ Pembangunan perdagangan antara empayar oleh British bertujuan membentuk pasaran kolonial untuk melindungi sumber bahan mentah di tanah jajahan daripada dikuasai oleh pedagang-pedagang asing. Perlindungan sumber bahan mentah di tanah jajahan merupakan dasar keutamaan imperial British untuk menghadapi persaingan negara-negara neomerkantilisme seperti Amerika Syarikat, Jerman dan negara Eropah yang lain. Oleh itu, menerusi dasar perdagangan antara empayar, pelabuhan-pelabuhan tanah jajahan dapat memberikan kelebihan kepada British untuk mendapatkan faedah cukai keutamaan imperial, kemudahan ekonomi dan pelabuhan yang tidak diperolehi daripada pelabuhan negara asing.⁷

Jika disorot kembali ketika era merkantilisme di Britain, pelaksanaan dasar perdagangan antara empayar digunakan sebagai strategi untuk mengimbangkan nilai perdagangan dengan mengutamakan kegiatan ekonomi eksport di tanah jajahan.⁸ Ini kerana British tidak mampu untuk membangunkan ekonomi eksportnya secara bersendirian tanpa

bergantung kepada tanah jajahan. Kebergantungan Britain terhadap tanah jajahan pasca Perang Dunia Pertama disebabkan tekanan sosioekonomi yang berpunca daripada kejatuhan nilai eksport sehingga 31% pada tahun 1922 lebih rendah sejak tahun 1913. Kemerostan sektor perdagangan ini telah menyebabkan kerajaan British menghadapi masalah kadar pengangguran yang tinggi seiring dengan peningkatan populasinya.⁹ Masalah ini seterusnya telah menyebabkan kebanyakan sektor perindustrian Britain gagal beroperasi. Sebagai penyelesaian terhadap masalah ekonomi domestik ini, British perlu membangunkan perdagangan antara empayarnya untuk mendapatkan bahan mentah yang lebih murah dari tanah jajahan. Tambahan pula, kawalan British terhadap jaringan perdagangan antara empayar turut membolehkan produk-produk dari United Kingdom dipasarkan dalam pasaran kolonial. Strategi neomerkantilisme ini telah memberi manfaat kepada pedagang-pedagang British yang sebelum ini amat bergantung kepada pasaran negara-negara Eropah yang mempunyai perlindungan perdagangan yang ketat untuk memasarkan lebih 33.33% eksportnya.¹⁰

Dasar perdagangan antara empayar digubal dengan sistematik dalam Persidangan Imperial pada tahun 1923. Setiap resolusi yang dipersetujui dalam persidangan ini menjadi undang-undang atau dasar ekonomi tertinggi di keseluruhan empayar British. NNMB telah diwakili oleh Setiausaha Kedua Tanah jajahan, W.G.A. Ormsby-Gore dan pembantu beliau yang bernama G.E.A. Grindle, serta Penasihat Perniagaan Setiausaha Tanah Jajahan iaitu James Stevenson. Ketiga-tiga tokoh ini secara keseluruhannya mewakili tanah jajahan British yang melibatkan Tanah Melayu dalam Persidangan Ekonomi Imperial 1923.¹¹ Isu kegoyahan British menghadapi persaingan dengan negara yang melaksanakan dasar neomerkantilisme mewujudkan rasa bimbang dalam kalangan ahli perwakilan persidangan. Kebimbangan ini turut melibatkan kemerostan pengaruh dan kuasa tentera laut British di Lautan Pasifik. Justeru, doktrin perdagangan bebas yang diamalkan oleh British sebelum ini dipersoalkan kerana tidak menguntungkan ekonomi domestik dalam empayar British.¹² Sebagai penyelesaian terhadap masalah ini, dasar neomerkantilisme yang memberi tumpuan terhadap pembangunan ekonomi eksport di tanah jajahan diberi perhatian. Kemudiannya, dasar perdagangan antara empayar diusulkan dalam Persidangan Imperial 1923 sebagai jalan penyelesaian terhadap kebimbangan tersebut. Memetik ucapan pembukaan Stanley Baldwin dalam persidangan ini,

*... I think you will agree that one of the most important items on it is this question of inter-Imperial trade... I am confident that we shall be able to devise measure which will be to our mutual advantage by way of redistributing the population, improving transport and means of communication, and, generally, increasing the facilities for the growth of trade within the Empire. The economic condition of Europe makes it essential that we should turn our eyes elsewhere. The resources of our Empire are boundless and the need for rapid development clamant.*¹³

Ucapan Baldwin membuktikan bahawa British tidak mampu lagi untuk bergantung dengan pasaran bebas dalam persaingan perdagangan di Eropah. Keperluan untuk mengukuhkan kepentingan ekonomi imperial menerusi perdagangan antara empayar merupakan penyelesaian terhadap masalah pengangguran dan kejatuhan nilai perdagangan yang dihadapi oleh British. Oleh itu, pembangunan perdagangan antara empayar adalah signifikan untuk mendapatkan bahan mentah dari tanah jajahan bagi membolehkan kerajaan British menjana semula sektor perindustriannya. Matlamatnya adalah untuk menyelesaikan masalah pengangguran dan untuk meningkatkan semula pendapatannya. Bagi mencapai matlamat ini, pembangunan komunikasi dan fasiliti perdagangan dilakukan oleh British di seluruh tanah jajahannya. Intergrasi perdagangan antara empayar dengan ekonomi domestik tanah jajahan ini sebenarnya

merupakan sebahagian daripada doktrin ekonomi merkantilisme yang telah diamalkan oleh Britain sejak abad ke-17 lagi (Winch 2002, 19).

Dalam pada masa yang sama, pentadbir-pentadbir dalam kerajaan British juga mula mempersoalkan doktrin perdagangan bebas yang diamalkan oleh kerajaan sebelum ini kerana tidak menguntungkan ekonomi domestik di United Kingdom.¹⁴ Doktrin perdagangan bebas mempengaruhi dasar kerajaan yang tidak campur tangan secara langsung dalam urusan ekonomi, khususnya aktiviti perdagangan (O'Brien 1997,94). Situasi ini tidak dapat melindungi kepentingan pedagang British yang menghadapi diskriminasi dalam aktiviti perdagangan global apabila negara-negara Eropah yang melaksanakan dasar neomerkantilisme mengenakan tarif perlindungan terhadap import dan eksport British. Oleh sebab itu, neomerkantilisme mula mendominasi dasar imperial pada tahun 1920-an bagi mendapatkan bekalan bahan mentah dan sumber makanan yang murah atau tanpa cukai di tanah jajahan (Tomlinson 2012, 219; Tomlinson 2003, 201-202; Constantine 1984,11). Kesannya, Persidangan Ekonomi Imperial 1923 bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Ekonomi Imperial bagi membolehkan kerjasama dalam jaringan perdagangan antara empayar dapat ditadbir secara terpusat. Penubuhan jawatankuasa ini telah dicadangkan oleh S.M. Bruce, Perdana Menteri Australia. Jawatankuasa Ekonomi Imperial turut berfungsi sebagai penasihat imperial dalam aspek ekonomi untuk kepentingan keseluruhan kerajaan kolonial di tanah jajahan British.¹⁵ Penubuhan jawatankuasa ini sebenarnya membantu pentadbir kolonial di tanah jajahan mendapatkan hasil risikan komersial yang dilakukan pada peringkat global. Menerusi hasil risikan ini negara induk (Britain) dapat membekalkan maklumat berkaitan permintaan dalam pasaran Britain yang boleh diperolehi dari tanah jajahan. Sumbangan penting Jawatankuasa Ekonomi Imperial terhadap pelaksanaan dasar perdagangan antara empayar di NNMB ialah galakkan pembangunan ekonomi eksport baharu berasaskan nanas, sawit dan kelapa sebagai alternatif sumber pendapatan ketika penurunan harga pasaran getah dan timah.

BANTUAN KEWANGAN UNTUK EKONOMI EKSPORT NNMB

NNMB merupakan satu daripada tiga entiti politik dan ekonomi British di Tanah Melayu (Negeri-Negeri Selat; Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu). Semenjak pembentukannya menerusi Perjanjian Persekutuan 1895, British telah meletakkan orientasi ekonomi eksport bagi NNMB selaras dengan kedudukan sumber bahan mentahnya. British menggunakan kuasa kawalan kerajaan persekutuan untuk membawa masuk aliran modal daripada golongan Eropah, Cina dan pemodal asing bagi membolehkan sumber mineral dan pertanian NNMB dapat dieksploitasi.¹⁶ Kuasa kawalan ini juga membolehkan British mengawal keseluruhan operasi pelaburan apabila setiap pelaburan yang diunjurkan untuk pembangunan negeri-negeri Melayu perlu melalui '*FMS Post Office Savings Bank*'. British menggunakan bank ini untuk melabur dana terkumpul ke dalam Saham Tanah Jajahan Mahkota (*Crown Colony Stock*) yang membawa pulangan keuntungan sebanyak 3.75%.¹⁷ Tambahan lagi, Pesuruhjaya Tinggi British diberi kuasa untuk melakukan urusan saham NNMB dengan '*Crown Agent*' bagi membolehkan dana tersebut dilaburkan dalam pasaran asing.¹⁸ Kebergantungan NNMB terhadap pelaburan asing mula merosot setelah pengaruh neomerkantilisme yang mula kukuh pada awal tahun 1920-an. Perkembangan ini telah mendorong campur tangan langsung kerajaan British dalam eksport modal pelaburan dari London ke NNMB dan tanah jajahan yang lain (Osterhammel 2014, 427; Davis dan Huttenback 1988, 30). Tujuannya adalah untuk menyuntik bantuan kewangan kepada sektor swasta yang terjejas ketika tempoh kemerosotan ekonomi supaya kepentingan ekonomi imperial dapat dilindungi.

Pembangunan ekonomi eksport merupakan sebahagian strategi imperial dalam dasar perdagangan antara empayar yang diputuskan dalam Persidangan Ekonomi Imperial 1921. Ketika persidangan tersebut, Winston Churchill yang merupakan Setiausaha Tanah Jajahan

menggesa supaya kerajaan British melaksanakan pembangunan ekonomi eksport. Gesaan ini adalah untuk memastikan kegiatan perdagangan dalam pasaran kolonial terus beroperasi ketika tempoh kemerosotan ekonomi. Pengaruh awal pelaksanaan dasar perdagangan antara empayar British terhadap NNMB dikenalpasti menerusi usul Churchill ketika Persidangan Ekonomi Imperial 1921 untuk menjadikan NNMB sebagai pembekal utama getah dan timah untuk Britain.¹⁹ Kebergantungan Britain terhadap sumber bahan mentah NNMB adalah berdasarkan keperluan industri tenteranya terhadap bekalan bahan mentah untuk menampung kos berperang, kerana kerajaan British sendiri mengakui bahawa negaranya akan menghadapi satu lagi berperang (Perang Dunia Kedua) selepas tamatnya Perang Dunia Pertama.²⁰ Tambahan lagi, industri ketenteraan Britain memerlukan bekalan bahan mentah yang mencukupi untuk membangunkan kelengkapan perang sebagai satu langkah pengukuhan kuasa maritim yang merupakan sebahagian orientasi neomerkantilismenya.²¹ Justeru, bagi membolehkan NNMB melaksanakan peranannya sebagai pembekal utama getah dan timah untuk Britain, ekonomi eksport negeri-negeri Melayu tersebut perlu dibangunkan untuk meningkatkan produksinya bagi memenuhi permintaan Britain.

Justifikasi Churchill untuk melaksanakan pembangunan ekonomi eksport di NNMB adalah berdasarkan alasan kemerosotan ekport getah dan timah yang berlaku pada tahun 1921. Masalah ini menjadi penghalang kepada British untuk terus mengeksploitasi keuntungan daripadanya. Justeru, Churchill telah mencadangkan agar kerajaan British memperuntukkan bantuan kewangan dan teknikal untuk membangunkan sumber bahan mentah yang terdapat di NNMB. Bantuan kewangan dan teknikal ini dijadikan sebagai strategi imperial bagi memastikan ekonomi eksport NNMB tidak dikuasai negara asing seperti Amerika Syarikat yang mula membeli syarikat dan firma British ketika tempoh kemelesetan.²² Bantuan kewangan yang diperuntukkan oleh kerajaan British menerusi Pejabat Tanah Jajahan ini merupakan bantuan pinjaman kewangan sebanyak £10 juta untuk NNMB yang diluluskan menerusi Enakmen Pinjaman Negeri-Negeri Selat, 1921.²³

Usaha Churchill ini diteruskan oleh pengganti beliau iaitu V.C. Cavendish dengan kerjasama P. Lloyd Greame, Presiden Lembaga Perdagangan Britain dengan membentangkan cadangan pembangunan ekonomi eksport tanah jajahan kepada Perdana Menteri British pada tahun 1923. Cavendish dan Greame mencadangkan dasar bantuan kewangan kolonial yang dikenali sebagai skim 'Bantuan Kewangan untuk Mempercepatkan Pembangunan Sumber Imperial'. Skim ini merupakan satu bentuk saluran dana oleh kerajaan British untuk pembangunan ekonomi eksport tanah jajahan. Aspek pembangunan tersebut melibatkan pembangunan kemudahan pengangkutan, kereta api dan ransangan kitaran saham yang akan mempercepatkan proses mengeksploitasi bahan mentah di tanah jajahan oleh firma dan syarikat British. Walaupun begitu, bantuan kewangan yang disalurkan ini adalah satu bentuk pinjaman yang perlu dibayar semula oleh kerajaan kolonial di tanah jajahan dengan jaminan kerajaan British. Tumpuan diberikan terhadap tanah jajahan beriklim tropika sama ada Tanah Jajahan Mahkota atau Negeri Naungan yang dibahagikan kepada empat kategori. Pertamanya, tanah jajahan timur yang melibatkan Ceylon dan NNMB. Kedua, Afrika Barat yang melibatkan Sierra Leone, Gold Coast dan Nigeria, manakala kumpulan ketiga ialah Afrika Timur yang melibatkan Kenya, Uganda, Tanganyika dan Nyasaland. Setiap wilayah menerima bantuan kewangan yang berbeza mengikut keperluan yang diperlukan. Bagi NNMB, sebanyak £984,431 diperuntukkan bagi membantu pembiayaan persekutuan terhadap projek pembangunan Tambak Johor dan £1,069,000 pula untuk menampung kos pembinaan landasan dan stesen kereta api, bekalan air serta pembinaan dermaga. Keperluan kerajaan British untuk melaksanakan skim bantuan kewangan ini adalah disebabkan keadaan ekonomi Eropah yang dijangka akan mengambil masa yang panjang untuk menjalani proses pemulihan. Justeru, menerusi pembangunan infrastruktur di tanah jajahan, Britain dapat mengimport bahan mentah

dengan cepat untuk sektor perindustriannya bagi memulihkan keadaan ekonominya dengan pantas berbanding negara Eropah yang lain.²⁴

Usaha pembangunan ekonomi eksport menerusi skim bantuan pinjaman kewangan ini telah dipersetujui oleh kerajaan British dalam Persidangan Ekonomi Imperial 1923.²⁵ Bantuan kewangan dalam bentuk geran pinjaman ini juga merupakan satu langkah untuk mengembalikan keyakinan firma-firma perniagaan dan perdagangan terhadap peluang ekonomi di NNMB yang mula pulih daripada kemelesetan ekonomi selepas Perang Dunia Pertama.²⁶ V.C. Cavendish, Setiausaha Tanah Jajahan telah menyokong pelaksanaan dasar ini dengan hujah, *“that the moral and material progress and development of the Colonies, Protectorates and Mandated Territories was increasingly important to all partners in the British Empire”*.²⁷

Pinjaman kewangan yang diperoleh kerajaan NNMB ini juga merupakan penyelesaian terhadap ketidakstabilan sektor perdagangan yang terjejas dengan masalah kejatuhan pasaran eksport getah dan timah. British tidak mempunyai pilihan selain untuk melindungi ekonomi eksport NNMB kerana kedudukannya yang penting sebagai pembekal getah dan timah utama dalam jaringan perdagangan antara empayar British.²⁸ Pelaksanaan skim bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman ini sebenarnya adalah disebabkan saranan daripada Perbendaharaan British sendiri. Perbendaharaan British mempunyai dasar yang jelas untuk tidak membenarkan sebarang bentuk bantuan kewangan daripada kerajaan British untuk tanah jajahan yang mempunyai status Negeri Naungan yang tidak tertakluk dengan dasar migrasi empayar di bawah Akta Penempatan Empayar 1922.²⁹ Pihak perbendaharaan hanya mempertimbangkan bantuan kewangan bagi tanah jajahan yang berstatus Dominion seperti Australia, Kanada, Afrika Selatan dan Newfoundland, tidak bagi NNMB yang berstatus Negeri Naungan'.³⁰ Oleh sebab itu, Perdana Menteri British telah mengarahkan Setiausaha Tanah Jajahan untuk membentuk skim bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman yang dikumpulkan menerusi pasaran swasta untuk Negeri Naungan.³¹

Berdasarkan skim bantuan pinjaman kewangan yang diluluskan Persidangan Ekonomi Imperial 1923, kerajaan British hanya menyalurkan £2,053,431 kepada kerajaan NNMB. Tindakan ini disebabkan dasar kewangan persekutuan yang memberi kuasa kawalan kewangan kepada Pesuruhjaya Tinggi British. Tambahan lagi, keperluan untuk menyalurkan bantuan kewangan melalui kerajaan persekutuan merupakan kawalan British terhadap kestabilan sektor perdagangan persekutuan yang berasaskan ekonomi eksport untuk kepentingan metropolitan. Peningkatan ekonomi eksport NNMB signifikan bagi British bagi menstabilkan sistem mata wang Dolar Selat yang merupakan sebahagian daripada Blok Sterling British (Loh 2002, 249). Justeru, apabila kedudukan mata wang Dolar Selat mengukuh, trend ekonomi yang sama turut mempengaruhi pengukuhan mata wang Sterling. Selain itu, kesan penting bantuan pinjaman kewangan ini terhadap ekonomi eksport NNMB ialah dapat menampung kos pembangunan landasan kereta api yang sebelum ini menjadi beban kewangan persekutuan sejak tahun 1920, serta pembangunan Tambak Johor yang mempunyai kepentingan ekonomi perdagangan NNMB.³² Kepentingan pembangunan landasan kereta api ini juga adalah disebabkan keperluan kerajaan NNMB untuk menghubungkan jaringan telegraf pada peringkat persekutuan dengan stesen wayarles imperial yang terdapat di Singapura dan Pulau Pinang. Jaringan telegraf ini dihubungkan menerusi jaringan wayar di sepanjang landasan kereta api dari NNMB ke stesen kereta api di pelabuhan Negeri-Negeri Selat.

PEMBANGUNAN INDUSTRI EKSPORT BAHARU NNMB

Dasar pembangunan perdagangan antara empayar British yang digubal dalam Persidangan Ekonomi Imperial 1921 dan 1923 telah mempengaruhi perkembangan ekonomi eksport di NNMB. Melalui pinjaman kewangan oleh kerajaan British sektor ekonomi eksport persekutuan

dibangunkan dengan pengenalan industri baharu bagi memenuhi permintaan dalam jaringan perdagangan antara empayar. Selain itu, penawaran produk makanan sebagai produk eksport baharu turut meningkatkan hubungan perdagangan global NNMB dengan negara selain Britain. Peranan Jawatankuasa Ekonomi Imperial yang menyarankan supaya industri eksport baharu diperkenalkan kepada NNMB juga merupakan strategi ekonomi imperial bagi mengatasi kemerosotan perdagangan NNMB akibat kejatuhan harga getah dan timah.³³ Malah, pentadbir kolonial dalam kerajaan NNMB juga sedar bahawa kebergantungan semata-mata terhadap eksport komoditi timah dan getah tidak mampu untuk memberi jaminan kelangsungan kewangannya.³⁴

Pengenalan industri baharu dalam ekonomi eksport NNMB berlaku setelah Jawatankuasa Ekonomi Imperial mula mencadangkan pembangunan industri berasaskan nanas, kelapa dan sawit yang mendapat permintaan yang tinggi dalam jaringan perdagangan antara empayar British.³⁵ Keperluan Jawatankuasa Ekonomi Imperial menggalakkan eksport produk makanan buah-buahan dari tanah jajahan ini adalah untuk mengurangkan kebergantungan United Kingdom terhadap 75% import buah-buahan dari negara asing, berbanding hanya 25% sahaja eksport buah-buahan yang datang dari Empayar British. Import yang besar dari negara luar ini telah menyebabkan British terpaksa menanggung cukai import yang merugikannya, sedangkan penjimatan boleh dilakukan sekiranya import tersebut datang daripada jaringan perdagangan antara empayar.³⁶

Produk Nanas

Berdasarkan cadangan Jawatankuasa Ekonomi Imperial, kerajaan NNMB mula melaksanakan usaha pembangunan produk makanan nanas di dalam tin sebagai produk eksport baharu dalam ekonomi eksportnya. Nanas yang ditanam di Tanah Melayu adalah daripada baka jenis ‘*Queen*’ yang hampir sama dengan baka jenis ‘*Red Jamaican Pine*’ yang terdapat di Hindia Barat iaitu di Caribbean. Walaupun begitu, pada peringkat awal NNMB hanya mempunyai satu ladang nanas iaitu di Klang.³⁷ Penanaman nanas di Klang ini terus berkembang sehingga tahun 1925 dengan melibatkan kawalan ladang seluas 1,170 ekar. Usaha penanaman nanas yang pesat telah membolehkan Jabatan Pertanian menuai hasil nanas sehingga 428 ribu biji buah dengan purata harga pasaran sebanyak \$2.00 hingga \$2.50 untuk 100 biji buah nanas pada tahun 1924 (Eaton 1925). Bekalan nanas yang tinggi ini seterusnya telah membolehkan NNMB memenuhi permintaan produk nanas dalam tin dalam jaringan perdagangan antara empayar dengan nilai eksport \$599,336 pada tahun 1924. Tambahan pula, produk yang sama juga berjaya dieksport negara lain dalam Empayar British, khususnya ke Kanada dengan nilai eksport \$26,750, Hong Kong \$12,300 dan Ceylon \$7,000. Di samping itu, NNMB turut dapat meningkatkan pendapatannya menerusi eksport produk nanas dalam pasaran global, apabila berjaya mengeksport produk tersebut ke Amerika Syarikat dengan nilai \$77,438 dan Perancis yang bernilai \$3,745.³⁸

Pihak British telah menjadikan Singapura sebagai pusat eksport produk nanas dari seluruh Tanah Melayu untuk dieksport ke Britain.³⁹ Manakala, peranan Port Swettenham sebagai pusat eksport getah dan timah dari NNMB ke Britain dikekalkan. Justeru, hasil produk nanas dari NNMB perlu melalui pelabuhan Singapura untuk dieksport dalam pasaran perdagangan antara empayar. Tindakan British ini adalah disebabkan dasar langsung dari Pejabat Tanah Jajahan yang menetapkan bahawa pembangunan industri nanas hanya sebagai penampakan bagi ekonomi eksport NNMB yang mengalami kemerosotan disebabkan penurunan harga getah. Bagi mengekalkanimbangan perdagangan NNMB kekal positif, kerajaan persekutuan perlu membangunkan eksport nanas yang mendapat permintaan tinggi dalam pasaran kolonial sebagai alternatif sementara untuk meningkatkan semula nilai eksportnya.

Oleh itu, apabila industri getah kembali pulih, NNMB perlu menumpukan semula industri getah dalam pembangunan ekonomi eksportnya.⁴⁰

Oleh sebab tumpuan industri pengetinan nanas di Singapura, British telah menubuhkan Syarikat Pembungkusan Nanas Bersatu Singapura Berhad. Syarikat ini menggabungkan perusahaan industri nanas NNMB yang berpusat di Klang dengan perusahaan pengetinan nanas di Johor dan Singapura. Walaupun begitu, syarikat ini dikuasai oleh pengusaha swasta iaitu Tan Kah Kee yang dilantik sebagai presiden syarikat.⁴¹ Kesan pembangunan eksport nanas NNMB telah memberi kesan langsung terhadap pelabuhan Singapura sebagai pengeksport utama produk nanas dalam jaringan perdagangan antara empayar.⁴² Produk nanas dari Tanah Melayu yang dieksport ke United Kingdom seterusnya dieksport semula ke Eropah melalui pelabuhan perdagangan di London dan Liverpool.⁴³ Manakala, bagi pasaran perdagangan antara empayar pula, produk nanas dari Tanah Melayu secara keseluruhannya telah dieksport ke Kanada, New Zealand dan India.⁴⁴

Jadual 1 menunjukkan jumlah eksport produk nanas mengikut kotak yang mengandungi sebanyak 1.5lb kiub oleh Syarikat Pembungkusan Nanas Bersatu Singapura Berhad. Semenjak Jawatankuasa Ekonomi Imperial menyarankan pembangunan nanas pada tahun 1923, eksport nanas telah meningkat kepada 760 ribu kotak berbanding tahun 1922 dengan jumlah 700 ribu kotak. Permintaan terhadap makanan nanas pada tahun 1923 ini telah menyebabkan harga pasaran nanas meningkat kepada \$3 untuk 100 biji buah pada tahun tersebut.⁴⁵ Seterusnya, permintaan nanas menerusi Syarikat Pembungkusan Nanas Bersatu Singapura Berhad terus meningkat pada tahun 1924 dengan jumlah 1,110,000 kotak, berdasarkan jumlah ini NNMB telah mengeksport sebanyak 3,949 tan tin nanas dengan nilai \$732,190 dan hanya mengalami penurunan sebanyak 60,000 kotak pada tahun 1925 (Milsum 1925).

Jadual 1, Eksport produk nanas Syarikat Pembungkusan Nanas Bersatu Singapura Berhad, 1922-1925

Tahun	Jumlah kotak	Purata harga bagi 1 kotak (1.5 lb.)
1922	700,000	\$9.00
1923	760,000	\$8.00
1924	1,110,000	\$6.50
1925	1,050,000	\$6.20

Sumber: The Pineapple Industry, *The Straits Times*, 12 January 1927.

Produk Kelapa

Saranan Jawatankuasa Ekonomi Imperial agar kerajaan persekutuan membangunkan penanaman kelapa juga turut memberi kesan kepada hubungan perdagangan antara empayar NNMB. Usaha pembangunan kelapa sebagai produk eksport baharu ini adalah berdasarkan kelebihan penanaman kelapa di NNMB yang kukuh sejak tahun 1920.⁴⁶ Permintaan tinggi terhadap produk kelapa ini juga telah mendorong Agensi Informasi Negeri-Negeri Melayu yang berpusat di London terlebih dahulu menyarankan kerajaan NNMB untuk meneruskan pembangunan penanaman kelapa sebagai ekonomi eksport baharunya pada tahun 1922. Saranan pihak agensi ini juga disebabkan permintaan tinggi daripada pengusaha dan pedagang Eropah. Tambahan pula, menurut Agensi Informasi Negeri-Negeri Melayu, permintaan produk kelapa turut mendapat perhatian dalam pasaran Amerika Syarikat. Antara produk berasaskan kelapa yang mendapat perhatian dalam pasaran ialah makanan di dalam tin (Eaton 1922). Oleh itu, kerajaan NNMB tidak mempunyai masalah untuk membekalkan produk kelapa dalam pasaran perdagangan antara empayar apabila disarankan oleh Jawatankuasa Ekonomi Imperial pada tahun 1923. Keyakinan terhadap potensi industri kelapa telah mendorong kerajaan NNMB untuk membeli estet kelapa di Sapintas, Selangor.⁴⁷ Pembukaan estet kelapa milik kerajaan persekutuan telah membawa kepada perkembangan usaha penyelidikan dan

pembangunan untuk industri kelapa. Sehingga tahun 1922, seluas 470 ekar tanah Estet Sapintas telah dijadikan sebagai tapak untuk dilaksanakan pelbagai bentuk penyelidikan (Jack 1922).

Kesan pembangunan ekonomi eksport berasaskan kelapa membolehkan NNMB meningkatkan jumlah eksport produk kelapa kering dalam perdagangan global seperti yang dibuktikan dalam Jadual 2. Pada tahun 1920, permintaan eksport kelapa kering dari NNMB adalah berjumlah 24,999.28 pikul dan kemudiannya meningkat sebanyak 44.8% pada tahun 1921. Trend peningkatan ini terus berlaku pada tahun 1922 dengan peratusan peningkatan sebanyak 19.77% berbanding tahun 1921. Manakala, permintaan yang tinggi dalam pasaran perdagangan antara empayar pada tahun 1923 telah menyumbang peningkatan jumlah eksport kelapa kering pada tahun tersebut kepada 49,049.28 pikul. Peningkatan permintaan kelapa kering ketika kejatuhan permintaan getah telah menyebabkan kebanyakan petani kecil mula beralih dalam industri kelapa kering untuk meningkatkan hasil pendapatan mereka. Walaupun begitu, kerajaan NNMB telah melaksanakan dasar untuk membersihkan kebanyakan kawasan penanaman kelapa milik masyarakat tempatan yang rosak, memandangkan kebanyakan masyarakat tempatan mula meninggalkan penanaman kelapa pada akhir tahun 1920 untuk mencari pekerjaan yang lain.⁴⁸

Jadual 2, Jumlah eksport kelapa kering dari NNMB, 1920-1924

Tahun	Jumlah eksport (pikul)
1920	24,999.28
1921	36,210.83
1922	43,370.17
1923	49,049.28
1924	53,197.16

Sumber: Appendix B, Report on the Trade and Customs Department for the Year 1924

Trend peningkatan pasaran kelapa dalam jaringan perdagangan antara empayar secara langsung memberi kesan kepada peningkatan harga pasaran komoditi tersebut di Singapura kepada \$13.10 bagi tahun 1923 berbanding harga terendah sebanyak \$11.30 pada tahun yang sama. Pasaran kelapa dan kelapa kering yang positif ini telah memberi kesan langsung terhadapimbangan perdagangan NNMB yang terjejas dengan krisis ekonomi. Walaupun begitu, Jabatan Pertanian mendapati tindakan kebanyakan peladang getah yang sebelum ini meninggalkan penanaman kelapa, dan beralih semula kepada penanaman getah bagi mendapatkan keuntungan yang besar merupakan tindakan yang rugi memandangkan pasaran getah semasa yang merudum berbanding pasaran kelapa dalam keadaan yang stabil.⁴⁹

Produk Sawit

Pembangunan industri minyak sawit sejak tahun 1920 telah memberikan kelebihan kepada NNMB untuk menjadikan produk sawit sebagai sebahagian daripada industri baharu dalam ekonomi eksport persekutuan. Perkembangan hasil penyelidikan yang berpusat di Serdang sejak tahun 1914 telah membolehkan kerajaan persekutuan menyemai benih sawit dari Nigeria dan Afrika.⁵⁰ Bagi memenuhi permintaan dalam pasaran kolonial dalam jaringan perdagangan empayar, kerajaan NNMB telah membuka sebanyak 5,000 ekar tanah untuk menanam benih sawit jenis Afrika.⁵¹ Peningkatan semaian benih sawit di NNMB juga merupakan kesan permintaan dalam pasaran yang tinggi bagi produk isirung sawit serta minyak sawit yang digunakan dalam sektor perindustrian sebagai bahan bakar.⁵² Selain itu, permintaan tinggi bagi minyak sawit juga dipengaruhi dengan sifatnya yang mempunyai kadar asid lemak (*fatty acid*) yang rendah. Sifat ini telah meningkatkan penggunaannya dalam industri pembuatan sabun, lilin, minyak pelincir dan produk makanan berupa majerin.⁵³

Berdasarkan saranan Jawatankuasa Ekonomi Imperial terhadap pembangunan industri sawit, kerajaan NNMB telah terlibat secara langsung dalam pembangunan industri ini dengan menggalakkan kemasukan pelaburan daripada pelabur-pelabur Eropah. Antaranya pelaburan daripada Syarikat Perladangan dan Kewangan Antarabangsa Antwerp untuk industri sawit di Pahang. Menerusi modal sebanyak F25 francs syarikat ini berjaya membuka estet sawit seluas 30 ekar di Pahang.⁵⁴ Sehingga tahun 1925 seluas 4,000 ekar tanah telah dimiliki oleh firma asing yang mengusahakan industri sawit.⁵⁵ Manakala, sehingga tahun 1925 pula, seluas 8,644 ekar tanah telah dibuka di keseluruhan NNMB untuk penanaman sawit. Perkembangan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 32.09% berbanding tahun 1924.⁵⁶

Kesan galakkan pembangunan sawit sebagai ekonomi eksport baru oleh Jawatankuasa Ekonomi Imperial turut mengukuhkan lagi sektor perdagangan antarabangsa NNMB. Sektor perindustrian sawit berjaya menyumbang kepadaimbangan perdagangan persekutuan yang positif dengan eksport minyak sawit sebanyak 1,382 tan pada tahun 1928, berbanding tahun 195 tan pada tahun 1923. Tambahan lagi, minyak isirung sawit telah dieskport sebanyak 327 tan pada tahun 1928 berbanding 50 tan pada tahun 1923. Selain itu, bagi memenuhi permintaan dalam pasaran negara induk, keseluruhan Tanah Melayu telah berjaya mengeksport minyak mentah berasaskan sawit dengan nilai \$71,291 pada tahun 1924.⁵⁷ Berdasarkan nilai ini, sebanyak 295 tan minyak sawit dan 40 tan minyak isirung sawit telah dibekalkan untuk kegunaan di United Kingdom. Peningkatan eksport sawit ini telah meletakkan kedudukan Tanah Melayu secara keseluruhannya hampir sama dengan Hindia Timur Belanda sebagai pengeksport utama produk sawit (Milsum 1925). Bahkan, menerusi pembangunan industri sawit,⁵⁸ British berjaya memperolehi margin keuntungan sehingga 30% daripada hasil eksport keseluruhan produk tersebut di Tanah Melayu.⁵⁹ Keuntungan yang diperoleh oleh British menerusi eksport sawit ini juga turut disumbangkan menerusi harga komoditi tersebut yang tinggi sehingga \$35 untuk 1 tan pada tahun 1927.⁶⁰

NNMB DALAM PAMERAN EMPAYAR BRITISH

Dalam Persidangan Ekonomi Imperial 1923, kerajaan British turut bersetuju menganjurkan Pameran Empayar British pada tahun 1924 sebagai langkah untuk mengukuhkan lagi jaringan perdagangan antara empayar. Kesan penganjuran Pameran Empayar British terhadap perkembangan sektor perdagangan NNMB telah membolehkan komoditi eksportnya seperti getah, timah, nanas, kelapa dan sawit dapat dipromosikan dalam pasaran United Kingdom dan tanah jajahan British yang lain.⁶¹

Idea awal penganjuran Pameran Empayar British 1924 sebenarnya merupakan cadangan oleh Lord Strathcona kepada Parlimen British pada tahun 1913 sebagai langkah ekonomi untuk menghadapi Perang Dunia Pertama.⁶² Walau bagaimanapun, cadangan Pameran Empayar British hanya diluluskan Parlimen British pada tahun 1920 dengan jaminan dana oleh kerajaan British.⁶³ Namun, kerajaan British hanya bersungguh-sungguh untuk menganjurkan pameran ini pada tahun 1923, apabila Setiausaha Tanah Jajahan menggesa agar seluruh perwakilan Persidangan Ekonomi Imperial 1923 bekerjasama untuk menganjurkan Pameran Empayar British. Retorik yang digunakan adalah untuk mempromosikan 'kehebatan sumber bahan mentah' yang boleh didapati dari seluruh Empayar British.⁶⁴ Justeru, Persidangan Ekonomi Imperial 1923 telah mencapai sepakat untuk menganjurkan Pameran Empayar British di Wembley Park, London mengikut pavilion yang telah ditetapkan pada tahun 1924. Tujuan pameran ini diadakan di London yang merupakan pusat pentadbiran Empayar British adalah untuk memberi pendedahan kepada pedagang-pedagang British dan tanah jajahan terhadap sumber bahan mentah yang terdapat di seluruh Empayar British. Tambahan lagi, penganjuran Pameran Empayar British di London ini juga bertujuan menggalakkan lagi aktiviti perdagangan antara empayar.⁶⁵ Pameran Empayar British dikelola

Majlis Eksekutif yang dianggotai perwakilan daripada institusi perbankan, industri dan sektor komersial yang mempunyai kepentingan dengan ekonomi Britain. Manakala, bagi mewakili pihak kerajaan British dan tanah jajahannya pula, Setiausaha Tanah Jajahan, Presiden Lembaga Perdagangan dan Menteri Pertanian telah dilantik sebagai sebahagian daripada Ahli Majlis Eksekutif Pameran Empayar British.⁶⁶

Penyertaan NNMB dalam Pameran Empayar British ialah bersama-sama dengan Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu di bawah satu pavilion 'British Malaya'. Kerajaan NNMB telah menubuhkan Jawatankuasa Seksyen Pertanian yang dipengerusikan oleh Setiausaha Pertanian serta melibatkan perwakilan daripada Persatuan Petani Malaya, Persatuan Penanam Getah dan Jabatan Pertanian sebagai ahli. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memastikan penyediaan bahan pameran yang terdiri daripada bahan makanan, getah, buah-buahan dan sayuran, minyak dan lemak haiwan, rempah dan ubatan, serat dan bahan pembuatan kertas, bahan mentah untuk alkohol, hasil pertanian dan jenis penyakit tanaman. Kesemua sampel bahan pameran ini telah dihantar ke Britain terlebih dahulu untuk semakan oleh pihak jawatankuasa Pameran Empayar British bagi tahap keselamatan dan nilai ekonominya. Bagi memenuhi spesifikasi yang ditetapkan jawatankuasa tersebut, Setiausaha Pertanian telah menubuhkan seksyen getah yang bertanggungjawab mempromosikan produk getah dalam Pameran Empayar British. Seksyen getah telah menyediakan model dan maklumat berkaitan proses penghasilan dan pengilangan getah di NNMB untuk dipamerkan kepada pengunjung pavilion 'British Malaya'. Manakala, seksyen minyak dan lemak haiwan juga ditubuhkan untuk tujuan promosi bagi produk kelapa, khususnya kelapa kering dan produk sawit yang terdiri daripada minyak sawit dan minyak isirung sawit.⁶⁷

Berbanding dengan negara lain dalam Empayar British, Pameran Empayar British telah meningkatkan nilai eksport NNMB dengan negara Kanada, Hong Kong dan India serta berjaya mengekalkan eksportnya dengan Ceylon seperti yang direkodkan dalam Jadual 3. Secara keseluruhannya data menunjukkan berlakunya peningkatan nilai eksport NNMB ke enam-enam negara tersebut meningkat sejak tahun 1922. Walaupun pada tahun tertentu berlakunya penurunan, trend peningkatan tetap berlaku pada tahun selepasnya. Trend ini berlaku antara NNMB dengan India dan hampir sama dengan United Kingdom, Australia dan Ceylon. Manakala, eksport NNMB ke Hong Kong mencatatkan peningkatan berterusan sehingga tahun 1924 dengan peningkatan paling tinggi sebanyak 462.40% berbanding negara-negara lain sejak tahun 1922. Selain itu, eksport ke United Kingdom meningkat sebanyak 123.14%, Australia 141.73%, Kanada 140.62%, Ceylon 35.801%, Hong Kong 462.40% dan India 254.64%. Penguasaan British terhadap aktiviti perdagangan NNMB tetap kukuh dengan menyumbang nilai eksport tertinggi iaitu melebihi \$20 juta sejak tahun 1923 berbanding negara lain. Manakala, pada tahun 1924 kebanyakan nilai eksport antara empayar adalah stabil dan meneruskan peningkatan kecuali eksport ke Australia yang mengalami penurunan sebanyak 79.79%.

Jadual 3, Nilai eksport antara empayar terpilih NNMB, 1921-1924

	1921	1922	1923	1924
United Kingdom	\$14,100,589	\$12,018,533	\$26,818,032	\$21,001,189
Australia	\$7,091	\$5,548	\$13,411	\$2,710
Kanada	Tiada data dicatatkan	\$15,013	\$36,124	\$60,350
Ceylon	\$457,672	\$617,395	\$838,476	\$834,444
Hong Kong	\$19,965	\$23,933	\$134,600	\$707,766
India	\$27,852	\$22,470	\$79,687	\$102,061

Sumber: Report on the Trade and Customs Department on the F.M.S for the Year 1922 & 1924.

Sebelum penganjuran Pameran Empayar British pada tahun 1924, komuniti pedagang British terlebih dahulu telah mengikuti pelayaran selama lapan bulan ke seluruh Empayar British pada tahun 1923. Pelayaran yang dikenali sebagai 'Pelayaran Empayar' telah menggunakan sebuah kapal dengan beban muatan sebanyak 20 juta tan. Pelayaran ini merupakan usaha awal untuk melebarkan lagi jaringan perdagangan antara Empayar British. Selain membawa seramai 300 orang perwakilan daripada firma-firma British, kapal ini turut membawa contoh barangan pameran untuk dipromosikan di sepanjang pelabuhan yang disinggah. Pelayaran kapal ini (mengikut aturan) bermula dari pinggir laut Amerika Selatan, kemudian pelayaran diteruskan ke Bahia, Rio de Janeiro, Monterideo, Buenos Aires, Afrika Selatan, Australia, New Zealand, Fiji seterusnya ke Yokohama, Kobe, Shanghai dan Hong Kong kemudian berperpatah balik ke Manila, Saigon, Singapura, Betawi, Pulau Pinang, Rangoon, Calcutta, Madras, Colombo, Bombay, Karachi, Aden dan seterusnya melalui Terusan Suez untuk ke Maita dan Gibraltar.⁶⁸

KESIMPULAN

Keperluan untuk menyelesaikan masalah ekonomi yang dihadapi Britain selepas Perang Dunia Pertama telah menyebabkan kerajaan British melaksanakan dasar ekonomi bersifat neomerkantilisme di tanah jajahan. Oleh sebab itu, pada tahun 1923, Persekutuan Industri British menyokong cadangan kerajaan British untuk melaksanakan dasar perdagangan antara empayar. Pihak persekutuan yakin melalui pelaksanaan dasar ini pasaran ekonomi empayar dapat dibangunkan, bukan sahaja sebagai penyelesaian bagi masalah pengangguran, malah sebagai cara untuk memulihkan sektor perindustrian British yang meleset. Hal ini demikian kerana, pembangunan perdagangan antara empayar diyakini dapat mewujudkan permintaan barangan atau hasil pembuatan British dalam pasaran ekonomi empayar.⁶⁹ Justeru, dasar neomerkantilisme yang diasaskan oleh Joseph Chamberlain (Setiausaha Tanah Jajahan 1895-1903) untuk mengikat hubungan perdagangan tanah jajahan British menerusi usaha pembangunan perdagangan antara empayar menjadi perhatian dalam Persidangan Imperial pada tahun 1923. Bahkan, usaha ini lebih awal diusahakan oleh Winston Churchill dengan memberi tumpuan terhadap pembangunan sumber bahan mentah di tanah jajahan ketika Persidangan Imperial 1921.

Bantuan kewangan untuk pembangunan ekonomi tanah jajahan merupakan langkah utama dalam pelaksanaan dasar perdagangan antara empayar. Langkah ini turut didesak pelaksanaannya oleh Persekutuan Industri British kerana pemodal atau firma British gagal bersaing dengan pihak asing yang mempunyai modal lebih besar untuk menguasai sumber bahan mentah di tanah jajahan. Justeru, melalui bantuan kewangan tersebut, firma British dapat mengekalkan kawalan mereka.⁷⁰ Bantuan kewangan ini diperlukan supaya langkah pembangunan ekonomi eksport yang merupakan nadi perdagangan antara empayar dapat dilaksanakan. Melalui langkah ini, British cuba mengekalkan penguasaan mereka sebanyak 70% eksport perdagangannya dalam empayar, berbanding 68.2% dalam pasaran asing. Kesannya di NNMB jelas dibuktikan dalam Jadual 1, 2 dan 3 yang menunjukkan berlakunya peningkatan hasil pengeluaran bagi produk yang disarankan oleh Jawatankuasa Ekonomi Imperial dan penguasaan signifikan British terhadap eksport persekutuan. Pertumbuhan ekonomi ini memberi kelebihan kepada British untuk mendapatkan eksport produk makanan yang murah dan mempunyai tahap kualiti tinggi bagi memenuhi permintaan dalam Empayar British, serta dapat dipasarkan dalam pasaran asing. Bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan bahawa potensi ekonomi NNMB yang dibangunkan oleh British lebih cenderung untuk memenuhi keperluan ekonomi di Britain berbanding permintaan dalam pasaran global. Selain itu, langkah penganjuran Pameran Empayar British di London pada tahun 1924 turut menyumbang kepada peningkatan nilai eksport NNMB dalam jaringan perdagangan antara

empayar. Kesannya NNMB terus diberikan peranan sebagai pembekal bahan mentah dan bekalan makanan. Rentetan itu, pelabuhan NNMB dibangunkan sebagai pelabuhan asasi ‘*staple port*’ yang menghubungkan jaringan perdagangan antara empayar secara terus dengan pelabuhan di United Kingdom. Sebagai pengeluar bahan mentah yang penting dalam perdagangan antara empayar, British turut menjadikan Tanah Melayu sebagai ‘*key area*’ bagi perdagangannya di Timur Tengah.⁷¹

NOTA

¹Appendix I, Statement by Mr. Churchill on the Colonies, etc., In Summary of Proceedings and Documents, Conference of prime Ministers and representatives of the United Kingdom, The Dominions, and India, 1921.

²Ibid.

³CAB 24/215, Cabinet. Imperial Conference, 1930. Imperial Trade Policy and Imperial Economic Machinery.

⁴New Zealand, Imperial Economic Conference 1923, Record of Proceedings and Documents, 1924.

⁵T 176/11. Empire Development: Imperial Economic Conference 1923.

⁶Neomerkantilisme merupakan doktrin ekonomi yang mula berkembang sejak akhir abad ke-19. Ahli sejarah pemikiran ekonomi mendapati perkembangan neomerkantilisme merupakan kesan kritikan ahli ekonomi British terhadap idea merkantilisme yang diamalkan pada abad ke-16 dan 17 (Magnusson 2015, 21-22). Kritikan terhadap idea merkantilisme dilakukan bagi menggantikan dasar perdagangan bebas yang menyebabkan British menghadapi kemerosotan ekonomi pada tahun 1880-an. Doktrin neomerkantilisme ditakrifkan sebagai “*the creation of an industrial and commercial State in which, by encouragement or restraint imposed by sovereign authority, private and sectional interest made to promote national strength and efficiency.*” (Green 1996, 161). Oleh sebab itu, campur tangan kerajaan untuk melindungi kepentingan ekonomi negara menjadi asas dalam pembentukan dasar ekonomi neomerkantilisme. Secara umumnya, neomerkantilisme mempengaruhi dasar ekonomi imperial British melalui pelaksanaan dasar kesatuan imperial, reformasi tarif, keutamaan imperial, keutamaan ekonomi eksport dan kawalan kerajaan terhadap sektor perindustrian dan buruh (Koot 1993, 189).

⁷Empire Trade Service, *Malaya Tribune*, 8 January 1923.

⁸Trade Prospects, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 13 January 1920.

⁹CAB 24/158/CP/90, Proposal for Financial Assistance to Accelerate the Development of Imperial Resources, Joint Memorandum by the Secretary of State for the Colonies and the President of the Board of Trade, 8 February 1923.

¹⁰Ibid.

¹¹New Zealand, Imperial Economic Conference 1923, Record of Proceedings and Documents, 1924.

¹²Cmd. 1988, Imperial Conference 1923, Appendices to the Summary of Proceedings.

¹³Imperial Conference 1923, Appendices to the Summary of Proceedings.

¹⁴Cmd. 1988, Imperial Conference 1923, Appendices to the Summary of Proceedings, hlm. 10.

¹⁵New Zealand, Imperial Economic Conference, Record of Proceedings and Documents, 1924, hlm. 277.

¹⁶MF 304 C.O. 576 gul. 1 Federated Malay States Sessional Papers (1895-1906)

¹⁷ Secretary of State: 825/1912.

- ¹⁸12527/1912 Under Secretary of States to the Crown Agents, 1 May 1912. No. 3 in 1950/1912 Under Secretary Malay States to Crown Agents, 30 March 1912.
- ¹⁹Appendix I, Statement by Mr. Churchill on the Colonies, etc., In Summary of Proceedings and Documents, Conference of prime Ministers and representatives of the United Kingdom, The Dominions, and India, 1921.
- ²⁰Imperial Cares, *Malaya Tribune*, 20 April 1921.
- ²¹CAB 32/4, Imperial Conference 1921, Notes of a Meeting of Prime Ministers of the Empire, 10 Downing Street, 22 July 1921.
- ²²Appendix I, In Summary of Proceedings and Documents, Conference of prime Ministers and Representatives of the United Kingdom, The Dominions, and India, 1921, hlm. 36.
- ²³Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 3 November 1921.
- ²⁴CAB 24/158/CP/90, Proposal for Financial Assistance to Accelerate the Development of Imperial Resources, Joint Memorandum by the Secretary of State for the Colonies and the President of the Board of Trade, 8 February 1923.
- ²⁵Imperial Economic Conference 1923, Summary of Conclusions, 1923, hlm. 4.
- ²⁶Cmd. 1988. Imperial Conference 1923, Appendices to the Summary Proceedings, hlm. 20-21.
- ²⁷Imperial Conference, *The Straits Times*, 4 October 1923.
- ²⁸Imperial Economic Conference 1923, Summary of Conclusions, 1923, hlm. 4.
- ²⁹T 176/11, Overseas Development C.P.90(23):93(23), Notes by the Chancellor of the Exchequer, 1923.
- ³⁰Isu ini boleh diteliti dengan lebih mendalam menerusi CAB 24/161/CP/372, Overseas Settlement within the Empire, 1 August 1923.
- ³¹T 176/11, Correspondence from Stanley Baldwin to Secretary of States for Colonies, 10 April 1923.
- ³²CAB 24/158/CP/90, Proposal for Financial Assistance to Accelerate the Development of Imperial Resources, Joint Memorandum by the Secretary of State for the Colonies and the President of the Board of Trade, 8 February 1923. Lihat juga, Mohd Shazwan Mokhtar, The Other Side of the Federated Malay States Financial Crisis, 1920–1924, *Kajian Malaysia*, Vol. 37, No. 2, 2019.
- ³³Sel. Sect., 2613/1925, Downing Street, Circular (Federated Malay States) to High Commissioner for the Malay States, 19 November 1926.
- ³⁴Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the Year 1922, 21 November 1922.
- ³⁵Sel. Sect., 2613/1925, Downing Street, Circular (Federated Malay States) to High Commissioner for the Malay States, 19 November 1926.
- ³⁶*Ibid.*
- ³⁷Pineapple Trade, *The Straits Times*, 20 June 1927.
- ³⁸Supplement to the “*F.M.S. Government Gazette*,” June 12, 1925, Report on the Trade and Customs Department for the Year 1924, hlm. 9
- ³⁹Mark Wong, Singapore: A Pineapple Canning Delight, <http://www.nas.gov.sg/archivesonline/article/singapore-pineapple-canning-delight> [22 March 2017].
- ⁴⁰The Empire Marketing Board, *The Straits Times*, 1 October 1926,
- ⁴¹Malayan Pineapple, *The Straits Times*, 27 November 1926. Perbincangan lanjut mengenai perkembangan industri nanas di Singapura lihat, W.G. Huff, *The Economic Growth of Singapore: Trade and Development in the Twentieth Century*, hlm. 193, 211-212.
- ⁴²Mark Wong, Singapore: A Pineapple Canning Delight, <http://www.nas.gov.sg/archivesonline/article/singapore-pineapple-canning-delight> [22 March 2017].

- ⁴³The Pineapple Industry, *The Straits Times*, 12 January 1927.
- ⁴⁴Malayan Pineapple, *The Straits Times*, 27 November 1926.
- ⁴⁵Supplement to the “*F.M.S. Government Gazette*”, June 27 1924, Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States, for the Year 1923, hlm. 6.
- ⁴⁶C.O. 717/4, Correspondence from Office of Directors of Agriculture F.M.S. & S.S to Secretary of F.M.S., 21 September 1920.
- ⁴⁷Sehingga tahun 1924, kerajaan NNMB telah menggunakan estet Sapintas untuk menanam kelapa dalam kawasan seluas 973.4 ekar, kelapa 88.6 ekar dan hutan simpan seluas 901.6 ekar. J.N. Milsum, *Annual Report of the Agriculturist, Government Plantations for the Year 1924, The Malayan Agricultural Journal*, Bil. 13, No. 7, 1925, hlm. 233- 243.
- ⁴⁸Supplement to the “*F.M.S. Government Gazette*,” October 7, 1921, hlm. 5.
- ⁴⁹Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States, for the year 1923, hlm. 3.
- ⁵⁰Supplement to the “*F.M.S. Government Gazette*,” October 7, 1921, hlm. 7.
- ⁵¹Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States, for the year 1923, hlm. 5.
- ⁵²B. Bunting & C.D.V. George, Oil Palm in Malaya, *The Malayan Agricultural Journal*, Bil. 12, No. 6 & 7, 1924. hlm. 145. Editorial Notes, *The Malayan Agricultural Journal*, Vol. 10 No. 6, June 1922, hlm. 148-149.
- ⁵³C.D.V.G, Modern factory Practice in the preparation of Palm Oil, *The Malayan Agricultural Journal*, Vol. 10 No. 8, August 1922, hlm. 211-217.
- ⁵⁴HCO MISC 340/1921, Telegram to High Commissioner for the Malay States, 17 Mac 1921.
- ⁵⁵Pahang in 1924, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 27 May 1925.
- ⁵⁶Agriculture, *Malaya Tribune*, 17 June 1926.
- ⁵⁷Supplement to the “*F.M.S. Government Gazette*,” June 12, 1925, Report on the Trade and Customs Department for the Year 1924, hlm. 9.
- ⁵⁸Tahun 1923 hingga 1929 merupakan tempoh pembangunan industri sawit di Tanah Melayu. Pada tempoh masa ini kerajaan NNMB giat melakukan usaha penyelidikan dan pembangunan di Serdang, estet utama. Justeru, dalam tempoh masa ini pihak Jabatan Perdagangan dan Kastam serta Pengarah Pertanian NNS dan NNMB tidak menyatakan data yang lengkap berkaitan hasil dan eksport produk sawit dalam tempoh tersebut. Isu ini turut diakui Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya*, hlm. 141.
- ⁵⁹Oil Palm Culture in Malaya, *The Singapore Free Press*, 21 November 1925.
- ⁶⁰Palm Oil from Malaya, *The Straits Times*, 27 June 1929.
- ⁶¹H.M. The King, at the Opening of Parliament, Dlm. British Empire Exhibition 1924, Wembley London, April-October, Handbook of General Information
- ⁶²Lord Strathcona atau nama asalnya Donald Alexander Smith ialah Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke United Kingdom bagi tahun 1896 hinggalah 1914. Bagi pihak kerajaan Dominion Kanada beliau mencadangkan penganjuran Pameran Empayar British sebagai langkah untuk membentuk pasaran perdagangan yang bersifat merkantilisme baru antara empayar British bagi menggantikan pasaran Eropah. Oleh itu, Britain tidak perlu lagi bergantung dengan negara-negara Eropah untuk mendapatkan bahan mentah, sementara tanah jajahannya mampu untuk membekalkan bahan mentah yang lebih murah dan mempunyai nilai yang tinggi. Empire Exhibition, *The Straits Times*, 28 August 1913.
- ⁶³British Empire Exhibition, Handbook of General Information, 1924, hlm. 4.
- ⁶⁴Cmd. 1988, Imperial Conference 1923, Appendices to the Summary of Proceedings, hlm. 21.
- ⁶⁵ British Empire Exhibition, Handbook of General Information, 1924, hlm. 1.
- ⁶⁶ HCO S of S 364/1922 British Empire Exhibitions: Postponed of the Exhibition from 1923 to 1924.

⁶⁷Supplement to the “*F.M.S. Government Gazette*,” June 27, 1924, Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States, for the year 1923, In, hlm. 8.

⁶⁸British Trade Ship, *The Straits Times*, 22 February 1922.

⁶⁹T 176/11. Empire Development: Imperial Economic Conference 1923.

⁷⁰Ibid.

⁷¹NAA: A981, MAL 1, Malaya. Federated Malay States General, *The Times*, 20 June 1929.

RUJUKAN

1950/1912. 1912. Under Secretary Malay States to Crown Agents, 30 March.

British Empire Exhibition. 1924. Handbook of General Information. Wembley, London. April-October.

Bunting, B. and George, C.D.V. 1924. “Oil Palm in Malaya.” *The Malayan Agricultural Journal* 12 (6 & 7).

CAB 24/158/CP/90. 1923. Proposal for Financial Assistance to Accelerate the Development of Imperial Resources, Joint Memorandum by the Secretary of State for the Colonies and the President of the Board of Trade, 8 February.

CAB 24/161/CP/372. 1923. Oversea Settlement within the Empire, 1 August 1923.

CAB 24/215. 1930. Cabinet. Imperial Conference, 1930. Imperial Trade Policy and Imperial Economic Machinery.

CAB 32/4. 1921. Imperial Conference 1921, Notes of a Meeting of Prime Ministers of the Empire, 10 Downing Street, 22 July.

Cmd. 1988. 1923. Imperial Conference 1923. Appendices to the Summary of Proceedings.

CO 717/4. 1920. Correspondence from Office of Directors of Agriculture F.M.S. & S.S to Secretary of F.M.S., 21 September.

Conference of prime Ministers and representatives of the United Kingdom, The Dominions, and India, 1921. Summary of Proceedings and Documents. London: HMSO

Constantine, Stephen. 1984. *The Making of British Colonial Development Policy 1914-1940*. London: Frank Cass.

Davis, Lance E. & Huttenback, Robert A. 1988. *Mammon and the Pursuit of Empire: The Economics of British Imperialism*. Cambridge: Cambridge University Press.

Drabble, John H. 2000. *An Economic History of Malaysia, c. 1800-1990: The Transition to Modern Economic Growth*. London: Macmillan Press Ltd.

Eaton, B.J. 1922. “Desiccated Shredded Coconut and Other Coconut Products.” *The Malayan Agricultural Journal* 10(7):186-190.

Eaton, B.J. 1925. “Annual Report of the Chemical Division for 1924.” *The Malayan Agricultural Journal* 13(7):179-188.

Editorial Notes. 1922. *The Malayan Agricultural Journal* 10(6): 148-149.

Federated Malay States. 1921. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 3 November.

Federated Malay States. 1921. Supplement to the “*F.M.S. Government Gazette*,” 7 October.

Federated Malay States. 1922. Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the Year 1922. 21 November.

Federated Malay States. 1924. Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States For the year 1923.

- Federated Malay States. 1924. Supplement to the "*F.M.S. Government Gazette*." 27 June.
- Federated Malay States. 1925. Supplement to the "*F.M.S. Government Gazette*." June 12.
- G, C.D.V. 1922. "Modern Factory Practice in the Preparation of Palm Oil." *The Malayan Agricultural Journal* 10(8): 211-217.
- Green, E.H.H. 1996. *The Crisis of Conservatism: The Politics, Economics and Ideology of the British Conservative Party, 1880-1914*. New York: Routledge.
- HCO MISC 340/1921. 1921. Telegram to High Commissioner for the Malay States, 17 Mac.
- HCO S of S 364/1922. British Empire Exhibitions: Postponed of the Exhibition from 1923 to 1924.
- Huff, W.G. 1994. *The Economic Growth of Singapore: Trade and Development in the Twentieth Century*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Imperial Economic Conference. 1923. Summary of Conclusions. London: HMSO
- Jack, H.W. 1922. "Selection of Coconuts." *The Malayan Agricultural Journal* 10(5): 122-127.
- Koot, Gerard M. 1993. "Historical Economics and the Revival of Mercantilism Thought in Britain, 1870-1920." In *Mercantilist Economics*, edited by Lars Magnusson, 187-219. New York: Springer.
- Lim, Chong Yah. 1967. *Economic Development of Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Loh, Wei Leng. 2002. "The Colonial State and Business: The Policy Environment in Malaya in the Inter-War Years." *Journal of Southeast Asian Studies* 33(2): 243-256.
- Magnusson, Lars. 2015. *The Political Economy of Mercantilism*. Oxon: Routledge.
- Malaya Tribune*. 1921. "Imperial Cares." 20 April.
- Malaya Tribune*. 1923. "Empire Trade Service." 8 January.
- Malaya Tribune*. 1926. "Agriculture." 17 June.
- Mark, Wong. "Singapore: A Pineapple Canning Delight." National Archives of Singapore. <http://www.nas.gov.sg/archivesonline/article/singapore-pineapple-canning-delight>
- MF 304 C.O. 576 gul. 1 Federated Malay States Sessional Papers (1895-1906). Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Milsum, J.N. 1925. "Annual Report of the Agriculturist for the Year 1924." *The Malayan Agricultural Journal* 13(7): 227- 232.
- Mokhtar, M.S., Azmi, M.A.A. & Samsudin, M. 2017. "The Development of Mercantilism Trade System in Federated Malay States (1909-1913)". *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 44(2): 1-26.
- Mokhtar, Mohd Shazwan. 2019. "The Other Side of the Federated Malay States Financial Crisis, 1920–1924." *Kajian Malaysia* 37(2): 95-119.
- NAA: A981. 1929. MAL 1, Malaya. Federated Malay States General, *The Times*, 20 June 1929.
- New Zealand. 1924. Imperial Economic Conference 1923, Record of Proceedings and Documents.
- O'Brien, Patrick Karl. 1977. "Intercontinental Trade and Development of the Third World since the Industrial Revolution." *Journal of World History* 8(1): 75-133.
- Osterhammel, Jurgen. 2014. *The Transformation of the World: A Global History of the Nineteenth Century*. Princeton: Princeton University Press.
- Secretary of State 825/1912.
- Sel. Sect., 2613/1925. 1926. Downing Street, Circular (Federated Malay States) to High Commissioner for the Malay States, 19 November.
- Sultan Nazrin Shah. 2019. *Striving for Inclusive Development: From Pangkor to A Modern Malaysian State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- T 176/11. 1923. Correspondence from Stanley Baldwin to Secretary of States for Colonies, 10 April.
- T 176/11. 1923. Empire Development: Imperial Economic Conference 1923.

- T 176/11. 1923. Overseas Development C.P.90(23):93(23), Notes by the Chancellor of the Exchequer.
- The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*. 1920. "Trade Prospects." 13 January.
- The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*. 1925. "Pahang in 1924." 27 May.
- The Singapore Free Press*. 1925. "Oil Palm Culture in Malaya." 21 November.
- The Straits Times*. 1913. "Empire Exhibition." 28 August.
- The Straits Times*. 1922. "British Trade Ship." 22 February.
- The Straits Times*. 1923. "Imperial Conference." 4 October.
- The Straits Times*. 1926. "Malayan Pineapple." 27 November.
- The Straits Times*. 1926. "Malayan Pineapple." 27 November.
- The Straits Times*. 1926. "The Empire Marketing Board." 1 October.
- The Straits Times*. 1927. "Pineapple Trade." 20 June.
- The Straits Times*. 1927. "The Pineapple Industry." 12 January.
- The Straits Times*. 1929. "Palm Oil from Malaya." 27 June.
- Tomlinson, B.R. 2003. "The British Economy and the Empire, 1900-1939." In *A Companion to Early Twentieth-century Britain*, edited by Chris Wrigley, 198-211.
- Tomlinson, Jim. 2012. "The Empire/Commonwealth in British Economic Thinking and Policy". In *Britain's Experience on Empire in the Twentieth Century*, edited by A. Thomson, 211-249. Oxford: Oxford University Press.
- Wong, Lin Ken. 1979. "Twentieth-Century Malayan Economic History: A Select Bibliographic Survey". *Journal of Southeast Asian Studies* 10(1): 1-24.

Published online: 31 October 2020